

Sabah tuan rumah Sukan Muhibah Kesihatan Borneo 2017



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohammad Yusof hadir pada Majlis Penutup Sukan Muhibah Kesihatan Borneo 2015.

Rumah Mus'ab bin U'mair juarai Rumah Terbaik Sukan Tahunan UNISSA

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 29 Mac. - Rumah Mus'ab bin U'mair menjuarai Rumah Terbaik kejohanan Sukan Tahunan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Kejayaan Rumah Mus'ab bin U'mair telah diumumkan pada Majlis Penutup Kejohanan Sukan Tahunan dan Hari Usrah UNISSA 2015 berlangsung di Kompleks Stadium Hassanal Bolkiah, Ibu Pejabat Polis, Gadong, di sini.

Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal selaku tetamu majlis juga menyampaikan hadiah-hadiah kepada pemenang.

Pada ucapan menutup, Rektor UNISSA menjelaskan, Kejohanan Sukan Tahunan dan Hari Usrah UNISSA 2015 yang bertemakan 'Belia Cergas Menjana Ummah Berwawasan' adalah bertepatan dengan qaul para hukama yang mencybutkan bermaksud "Akal yang sihat terletak pada badan yang sihat".

Katanya, aktiviti sukan olahraga merupakan satu kaedah untuk membentuk peribadi mulia dan cukup penting kepada setiap individu.

Jelasnya, ia berfungsi untuk merangsang minda, fizikal, otot, saraf, emosi dan secara tidak langsung melatih dan mendidik seseorang mendisiplinkan diri, di samping itu aktiviti sukan juga mampu membina jati diri ke arah melahirkan pemimpin yang berkarakter dan berprestasi.

"Apa yang lebih signifikan ialah kejayaan menganjurkan acara ini sebagai menifestasi dari semangat setia kawan, muafakat dan kesungguhan untuk mencapai sesuatu tujuan yang sama-sama dikongsi oleh setiap Ahli Jawatankuasa, iaitu untuk menjadikan kejohanan sukan tahunan dan hari usrah ini sebagai acara yang berjaya dan boleh dibanggakan," ujarnya.

Sukan Tahunan UNISSA telah berlangsung selama 28 hari bermula dari 2 hingga 29 Mac menyaksikan sebanyak empat buah Rumah Sukan UNISSA yang bertanding terdiri daripada rumah Salahuddin Al-Ayubi; Khalid Al-Walid; Mus'ab bin U'mair dan Salman Al-Farisi.

Antara sukan yang telah dipertandingkan ialah perlawanan bola sepak, sepak takraw, pingpong, badminton dan futsal yang dihasratkan untuk mengeratkan perpaduan dan salaturahim serta menghidupkan semula semangat kesukuan di antara warga UNISSA.

Kejohanan berkenaan menyediakan peluang kepada lebih ramai warga UNISSA untuk bergiat aktif dalam bersukan, di samping sebagai usaha untuk mencungkil bakat dan potensi warga UNISSA dalam mengamalkan gaya hidup sihat, aktif, cergas dan bersatu.

Kejohanan berkenaan merupakan kendalian Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar, Persatuan Pelajar UNISSA.

Juga hadir sama pegawai-pegawai utama, dekan-dekan, timbalan-timbalan dekan dan warga UNISSA serta ahli keluarga.



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal dikenalkan kepada pasukan-pasukan yang mengambil bahagian.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 29 Mac. - Majlis Penutup Sukan Muhibah Kesihatan Borneo 2015 telah diadakan malam ini bertempat di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan dari Pengerusi Majlis, Awang Abdul Walid bin Martassan dan diikuti dengan Pertandingan Tarian Kebudayaan daripada negeri-negeri Sarawak, Sabah, Kalimantan Barat, Kalimantan Timur, Kalimantan Utara dan juga negara tuan rumah, Negara Brunei Darussalam.

Acara diteruskan dengan pengumuman dan penyampaian hadiah-hadiah kepada para pemenang bagi Pertandingan Tarian Kebudayaan dan Johan Keseluruhan pertandingan yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Bagi Pertandingan Tarian, johan disandang oleh negeri Sabah, naib johan dimenangi oleh Negara Brunei Darussalam dan tempat ketiga diraih oleh negeri Sarawak.

Manakala Johan Keseluruhan pertandingan dimenangi oleh Negara Brunei Darussalam.

Majlis juga diselenggarakan dengan pencerahan Bendera Rasmi Sukan Muhibah Kesihatan Borneo oleh

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor



MENTERI Kesihatan menyerahkan bendera kepada tuan rumah Sukan Muhibah Kesihatan Borneo akan datang, iaitu negeri Sabah.

tetamu kehormat kepada tuan rumah bagi tahun 2017, iaitu negeri Sabah yang diterima oleh Timbalan Pengarah Kesihatan, Sabah, Dr. William Goulis.

Sukan Muhibah Kesihatan Borneo 2015 diadakan selama dua hari bermula kelmarin dan berakhir hari ini yang mana ini merupakan kali ke-7 diadakan, tetapi Negara Brunei

Darussalam buat pertama kalinya menjadi tuan rumah.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Pegawai-Pegawai Tugas Khas Kanan, Ketua-ketua Pengarah, Pegawai-pegawai Kanan dan kakitangan kementerian berkenaan.

Pesta Ria Hari Keluarga meriah

Oleh :
Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

MUARA, Ahad, 29 Mac. - Pesta Ria sempena Hari Keluarga dihasratkan untuk menggalakkan masyarakat seluruh negara khususnya bergiat dalam bidang perniagaan secara *online* dan perniagaan kecil dan sederhana yang boleh membantu menambah pendapatan, di samping mempromosi produk-produk perekonomian Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.

Pesta anjuran Kumpulan Jasper Event Management Kolej International Graduate Studies (IGS) bagi jurusan Ijazah Sarjana Muda Business Administration yang berlangsung di Pantai Peranginan Muara dilancarkan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliahkan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff selaku tetamu kehormat.

Pelbagai acara memeriahkan pesta tersebut yang berkonsepkan sukan ria keluarga seperti pertandingan tarik kalat, *flying fox*, *horse riding*, *bouncer*, *mini games*, *giant bubbles*, *photos booth*, karikatur dan turut disertai lebih 40 peniaga yang menjual beraneka jenis makanan dan minuman.

Pada acara Hari Keluarga itu, tetamu kehormat juga menyaksikan pertandingan tarik kalat dan menyampaikan hadiah kepada pemenang.

Beberapa acara telah disertai oleh tetamu kehormat dan Timbalan Setiausaha Tetap, iaitu acara *flying fox* dan *mini games*.

PELITA BRUNEI sempat mencumbu bual Ahli Jawatankuasa Jasper Event Management, Dayang Marzianatul Farhana binti Muda Yusran menyatakan bahawa beliau berasa gembira kerana tetamu kehormat amat memberikan sokongan kepada pelajar-pelajar IGS untuk menjayakan



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliahkan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff melancarkan majlis pesta pantai anjuran IGS.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri juga melawat booth-booth jualan pada pesta tersebut.

projek Pesta Ria Hari Keluarga. Menurutnya, dengan adanya sokongan tersebut, para pelajar amat berkeyakinan untuk melakukan projek ini kerana ini adalah kali pertama mengadakan pesta tersebut.

"Semua Ahli-ahli Jawatankuasa Jasper Event Management amat terkejut menyaksikan penyertaan tetamu kehormat mengikuti acara *flying fox*. Beliau berharap agar pesta ini akan menjadi kenangan manis bagi pelajar-pelajar IGS yang akan

menamatkan pengajian terakhir tahun ini," jelasnya.

Turut hadir, Setiausaha-Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Mohammad 'Abdoh bin Dato Seri Setia Haji Abdul Salam, Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Awang Haji Idris bin Haji Md. Ali dan Awang Haji Muhammad Sunadi bin Haji Buntar dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah Kolej IGS.